

# **KAJIAN AJARAN SESAT DALAM PENGAJIAN ISLAM: SATU SOROTAN**

Oleh:

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi\*

## **ABSTRACT**

*The article reviews the historical background and literature on cultism in Malaysia. The problem relating to cultism needs to be urgently addressed as it directly affects Islamic theology and Muslims. This scenario has raised the importance research in the field of cult movement in Islamic studies.*

## **PENDAHULUAN**

Isu ajaran sesat bukanlah satu perkara yang asing dalam kamus kehidupan umat Islam kerana ia datang seiringan dengan kehidupan manusia. Namun, masih terdapat ramai kalangan umat Islam yang begitu mudah terjebak dengan fenomena ajaran sesat tersebut. Sehingga kini, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyenaraikan 125 kumpulan ajaran sesat yang bertapak di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Perlu ditegaskan bahawa isu ajaran sesat bukanlah suatu isu yang boleh dipandang ringan dan ditangani secara sambil lewa sahaja. Isu ajaran sesat merupakan satu isu yang amat penting kerana ia menyentuh kehidupan dan akidah seseorang Muslim. Isu ajaran sesat sentiasa membayangi kehidupan umat Islam, walaupun begitu, ia masih menjadi suatu persoalan atau tanda tanya tanpa sebarang jawapan yang memuaskan dan perhatian yang sewajarnya serta pemantauan yang telus. Padahal, isu ajaran sesat melibatkan persoalan akidah Islam yang akan menentukan masa depan dan kehidupan umat Islam di dunia dan akhirat.

---

\* Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (PhD), adalah pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus Kusza Gong Badak, Terengganu. Beliau kini adalah Timbalan Dekan di fakulti yang sama.

Dari sini jelas kepentingan disiplin kajian ajaran sesat sebagai perisai kukuh yang memelihara keimanan dan jati diri masyarakat Islam daripada ancaman ajaran sesat yang melanda Malaysia mutakhir ini.

## **AJARAN SESAT DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH**

Istilah “ajaran sesat” adalah satu istilah yang bersifat relatif kerana terdapat banyak takrifan dan definisi yang telah diberikan oleh pelbagai pihak. Menurut *Kamus Dewan*, ajaran ditakrifkan sebagai segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab.<sup>1</sup>

Manakala “sesat” pula ditakrifkan sebagai tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan dll) dan menyimpang daripada jalan yang benar.<sup>2</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan di dalam penggunaan Bahasa Melayu, ajaran sesat itu ialah suatu ilmu yang diajar dan disebarikan secara rahsia mahu pun secara meluas kepada orang lain yang didapati menyimpang daripada kebenaran yang asal.

Ajaran sesat telah ditakrifkan oleh Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Qur’an dan al-Sunnah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.<sup>3</sup>

Takrif di atas jika diperhalusi terdapat beberapa perkara yang perlu diperbetulkan selaras dengan konsep penyelidikan yang sebenarnya. Pertama, ayat “sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam” lebih sesuai diubah kepada “sebarang ajaran atau amalan yang diasaskan dan didukung

<sup>1</sup> *Kamus Dewan* (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 1267.

<sup>3</sup> Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (t.t.), *Kriteria dalam Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia. h. 1; lihat Mustafa b. Abdul Rahman (2001), “Maklumat Terkini Ajaran Sesat: Punca dan Cara Mengatasinya” (Kertas Kerja Ijtimak Guru-guru Takmir Masjid/Surau Peringkat Kebangsaan Anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid (KESUMA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Pusat Islam, Kuala Lumpur, 8 – 9 Mei 2001), h. 2.

oleh orang-orang Islam”. Ini adalah kerana perkataan “dukung” bermaksud memikul atau menyokong dan berusaha dan sebagainya untuk menjayakan, memperkukuh, menegakkan dan memperjuangkan sesuatu fahaman.<sup>4</sup>

Manakala ungkapan “orang-orang bukan Islam” pula dikekalkan di dalam takrif tersebut kerana terdapat juga sebahagian ajaran yang menyeleweng daripada Islam didukung oleh orang-orang bukan Islam dan akhirnya ia dianuti oleh umat Islam seperti ajaran komunisme, kapitalisme, sekularime, Kristian dan lain-lain lagi.

Seterusnya, susunan rujukan utama dalam Islam dalam takrif asal didapati tidak teratur yang bermula dengan akidah Islam, kemudian al-Qur’an dan al-Sunnah dan diakhiri dengan mazhab yang muktabar dan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah. Sepatutnya, ia disusun sebagaimana berikut: “pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Qur’an dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah. Oleh yang demikian, ajaran sesat dapat ditakrifkan sebagai:

*“Sebarang ajaran dan amalan yang didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Qur’an dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah.”*

Prof. Dr. Abdul Fatah Haron Ibrahim pula mendefinisikan ajaran sesat sebagai ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Dalam satu ketika yang lain, Prof. Dr. Abdul Fatah menghubungkaitkan ajaran sesat dengan tasawuf - tarekat. Ini adalah kerana masyarakat Islam dewasa ini meletakkan tasawuf - tarekat itu bukan pada tempatnya yang sebenar. Natiujahnya, ilmu tasawuf - tarekat bertukar wajah sebagai ajaran sesat akibat penglibatan masyarakat awam yang bukan dalam kalangan ahli falsafah dalam permasalahan ilmu falsafah.<sup>5</sup>

Berdasarkan definisi di atas, segala ajaran sama ada dari aspek akidah, ibadat dan tasawuf yang terjelma dalam anutan dan pegangan hidup yang diresapi oleh unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah Islam seperti

---

<sup>4</sup> Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 320.

<sup>5</sup> Abdul Fatah Haron Ibrahim, Prof. Dr. (1994), *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1 – 2.

Batiniah, Hinduisme, Neoplatonisme<sup>6</sup>, penafsiran menyeleweng terhadap al-Qur'an, Hadith dan juga penggunaan Hadith palsu. Hasilnya, segala ramuan inilah yang teradun dan teranyam rapi menjadi citra kepada apa yang diungkapkan sebagai ajaran sesat.

## PENGGUNAAN ISTILAH AJARAN SESAT

Istilah ajaran sesat merupakan satu istilah yang lebih lazim dan lebih popular penggunaannya di kalangan masyarakat Malaysia kebelakangan ini terutamanya pihak birokrasi agama dan media arus perdana di Malaysia. Di samping itu, terdapat beberapa istilah lain yang kerap juga digunakan dalam media arus perdana yang mempunyai konotasi makna lebih kurang sama dengan ajaran sesat iaitu ajaran salah, pencemaran akidah dan penyelewengan akidah.

Istilah ajaran sesat didapati telah dijadikan judul sebuah buku yang dihasilkan oleh Prof. Dr Abdul Fatah Haron Ibrahim<sup>7</sup>, malahan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM<sup>8</sup> dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, kampus KUSZA<sup>9</sup>, ia telah dijadikan salah satu judul kursus iaitu kursus “Kajian Ajaran Sesat” yang telah mula diperkenalkan pada pertengahan kedua dekad 1980an di UKM dan pada tahun 1996 di KUSZA. Isi kandungan kursus ini ditumpukan kepada aspek penyelewengan tafsiran al-Qur'an dan Hadith, penggunaan Hadith palsu dalam hubungan dengan akidah, hal-hal yang ada hubungan dengan teosofi<sup>10</sup> serta analisis terhadap ajaran sesat semasa khususnya di Malaysia.

---

<sup>6</sup> Neoplatonisme diasaskan oleh seorang Yahudi bernama Philo 20 tahun sebelum Masihi. Dialah orang pertama yang membuat takwilan untuk menyesuaikan wahyu dengan akal atau Taurat dengan falsafah. Dalam Taurat ada kisah Adam, Hawa dan Ular, lalu Philo mentakwilkan Adam itu sebagai akal, Hawa itu ialah pancaindera dan ular pula ialah keseronokan. Philo juga mengatakan bahawa Tuhan yang menjadikan alam misal. Lihat Feibleman, J. (1973), *Understanding Philosophy*. New York: Horizon Press, h. 80 – 82.

<sup>7</sup> Lihat Abdul Fatah Haron Ibrahim, Dr. (1993), *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1-2.

<sup>8</sup> Lihat Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi 2002 – 2003, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 59.

<sup>9</sup> Lihat Buku Panduan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2007), Kuala Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UDM, h. 99 .

<sup>10</sup> Teosofi ialah satu bidang ilmu falsafah dan kerohanian atau keagamaan yang menjuruskan kajiannya berkaitan alam metafizik, alam ketuhanan dan alam semesta. Lihat *The World Book of Encyclopedia* (1980). Vol. 19. Chicago: World Book Inc.. h. 190 – 191.

Ajaran salah pula merupakan satu istilah yang telah dijadikan satu judul kursus yang ditawarkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya iaitu kursus “Kajian Ajaran Salah”. Penggunaan istilah ajaran salah menggambarkan ajaran yang dibawa oleh sesuatu kumpulan benar-benar menyalahi dan bertentangan dengan konsep akidah Islam dan juga syariat Islam. Kursus ini bertujuan untuk membahas tentang ajaran-ajaran salah di dalam masyarakat Islam amnya dan di Malaysia khususnya. Perbincangan merangkumi sejarah dan latar belakang ajaran salah, konsep dan falsafah ajaran, sumber-sumber pemikiran, faktor-faktor yang menyebabkan bertambahnya ajaran salah, mangsa-mangsa dan kesan-kesan ajaran salah. Cara-cara mengatasinya juga turut dibincang.<sup>11</sup>

Istilah pencemaran akidah pula digunakan oleh Prof. Dr Abdul Fatah Haron Ibrahim dalam sebuah kertas kerja beliau yang dibentangkan dalam Seminar Akidah dan Kerohanian 1, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM pada bulan Mac, 1980. Kemudian, secara lebih khusus istilah atau ungkapan ini telah digunakan oleh Dr H.O.K. Rahmat S.H. terutamanya bila beliau menulis sebuah buku yang berjudul *Pencemaran Akidah Di Nusantara*. Berdasarkan isi kandungan buku ini, Dr Rahmat kelihatan mahu mendefinisikan istilah tersebut sebagai ketidakmurnian akidah Islam disebabkan palitan dan adunan pengaruh-pengaruh yang berasal dari bumi Nusantara sendiri seumpama kepercayaan Dinamisme dan Animisme Nusantara ataupun yang berasal dari luar seumpama unsur-unsur Yahudi, Kristian, Yunani Purba, Majusi, Hinduisme, Buddhisme dan berbagai-bagai unsur lain yang menyerap masuk ke dalam akidah sebahagian umat Islam rantau ini hingga akidah Islam yang murni menjadi tercemar. Dalam pandangan Dr Rahmat, kelihatan unsur-unsur luar yang menyerap ke dalam pegangan akidah itu terjelma dalam anutan manusia Nusantara terhadap fahaman-fahaman seumpama aliran tasawuf *wiḥdah al-wujūd*<sup>12</sup>, ajaran Batiniah, ajaran Bahai dan lain-lain.<sup>13</sup>

<sup>11</sup> Buku Panduan Program Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Tahun Akademik 2003/2004. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 188..

<sup>12</sup> *Wiḥdah al-Wujūd* iaitu fahaman yang menyatukan kewujudan Tuhan dengan kewujudan benda-benda ciptaanNya. Tuhan wujud dalam benda tersebut. Kedua-dua adalah wujud yang satu yang tidak mungkin dapat dibezakan. Proses kejadian alam adalah melalui proses *immanent* yang akhirnya menyatakan Tuhan *immanance* di dalam alam atau semua benda. Lihat Abū al-‘Alā ‘Afīfī (1993), *al-Taṣawwuf: al-Thawrah al-Rūḥiyyah fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 191.

<sup>13</sup> H. O. K. Rahmat S. H. (1983), *Pencemaran Akidah di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. v; lihat: Zakaria Stapa, Prof. (2002) “Bahagian Kedua: Masalah dan Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia dalam kertas kerja bertajuk *Wiḥdah al-Wujūd* dan Hubungannya dengan masalah Ajaran Sesat di Malaysia” (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf

Seterusnya, istilah “penyelewengan akidah” merupakan satu ungkapan yang cuba menggambarkan bentuk akidah yang sudah menyimpang atau tidak menurut landasan atau perintah yang telah ditetapkan dalam al-Qur’an atau al-Sunnah dan sudah tentunya - dalam konteks Malaysia - menyimpang daripada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Selanjutnya, akidah tersebut kalau ditinjau sebab-sebab penyelewengannya, maka sudah tentu ia tidak lari daripada sebab-sebab yang menjadi intisari utama dua istilah yang diuraikan di atas iaitu anutan terhadap fahaman-fahaman yang diresapi unsur-unsur yang tidak selaras dengan ajaran sebenar al-Qur’an dan al-Sunnah serta formulasi yang diijmakan oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.<sup>14</sup>

Kesimpulannya, konotasi makna istilah-istilah yang diuraikan di atas pada dasarnya tidak berlawanan antara satu sama lain, sebaliknya berkait rapat sehingga kesemua istilah tersebut dari segi penggunaannya saling kuat menguatkan dan boleh ditukar-gantikan antara satu sama lain dalam merujuk kepada kesesatan sesuatu ajaran yang dianuti.

## **IMPLIKASI AJARAN SESAT**

Melihat kepada perkembangan ajaran sesat yang semakin banyak bercambah bagaikan cendawan tumbuh, timbul satu persoalan setakat manakah ajaran sesat boleh memberi kesan kepada keislaman dan keimanan seseorang pengikut dan pengasas ajaran tersebut selain ia memberi ancaman yang cukup besar kepada masyarakat dan negara yang tercinta dari aspek keharmonian masyarakat dan keamanan negara. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana ia melibatkan persoalan akidah. Ia adalah satu persoalan yang menyentuh urat nadi kehidupan dan masa depan seseorang dan umat Islam keseluruhannya di dalam kehidupan dunia ini. Ia tidak sahaja berhubung kait dengan persoalan kehidupan di dunia, tetapi juga melewati alam akhirat. Kemuncak dari itu, persoalan akidah juga boleh menentukan status sesebuah negara sama ada ia merupakan sebuah negara Islam ataupun sebaliknya.

Berdasarkan kepada kupasan panjang lebar berkenaan kategori ajaran sesat dan juga ciri-ciri utama ajaran sesat dalam fasal yang lalu, dapat disimpulkan bahawa sesiapa yang terbabit dalam kancah ajaran sesat, akidahnya akan terjejas iaitu ia boleh menyebabkan seseorang itu terjerumus dalam kesyirikan, kadang-kadang ia boleh menyebabkan seseorang itu

---

Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus di Hotel Hilton, Seremban, Negeri Sembilan, 17 – 19 Ogos 2002), h. 51.

<sup>14</sup> Zakaria Stapa, Prof. (2002), *op. cit.*, h. 52.

murtad iaitu terkeluar daripada Islam dan dia termasuk dalam kalangan orang yang kafir.

## SYIRIK

Syirik ialah dosa yang paling besar yang dilakukan oleh seseorang manusia terhadap Allah S.W.T., bahkan Allah S.W.T. tidak akan mengampuni dosa orang yang melakukan syirik terhadapNya. Sehubungan itu, Allah S.W.T. berfirman:<sup>15</sup>

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dihendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.*”

Rasulullah (s.a.w) bersabda:<sup>16</sup>

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ قَالَ كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَا أُبَيِّنُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكِبَائِرِ ثَلَاثًا الْإِشْرَاكَ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَشَهَادَةُ الزُّورِ أَوْ قَوْلُ الزُّورِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَكِنًا فَجَلَسَ فَمَا زَالَ يَكْررها حَتَّى قُلْنَا لَيْتَهُ سَكَتَ

Maksudnya: “*Dari Abī Bakrah katanya: Kami bersama dengan Rasulullah s.a.w. bersabda: Bolehkah aku beritahu kalian apakah dosa yang lain besar. Baginda s.a.w. mengulangi soalan tersebut tiga kali. Pertama, syirik kepada Allah S.W.T., kedua derhaka terhadap*

<sup>15</sup> Surah al-Nisā’ 4:48.

<sup>16</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Kitāb al-Shahādāt, Bāb Mā Qīla fī Shahādah al-Zur, j. 5, no. Hadith: 2654, h. 261; Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Sahīḥ Muslim*, Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān al-Kabā’ir wa Akbaruhā, j. 2, no. Hadith: 126, h. 81; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Shahādāt ‘an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā’a fī Shahādah al-Zūr, j. 4, no. Hadith: 2301, h. 63; Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Awwal Musnad al-Baṣariyyīn, Bāb Musnad Abī Bakrah Nafī b. al-Ḥārith, j. 5, no. Hadith: 19491, h. 35.

*kedua ibu bapa, dan ketiga bersaksi palsu. Ketika itu, Rasulullah s.a.w. sedang bersandar; lalu menegakkan badannya untuk duduk seraya terus mengulangi sabdanya itu sehingga kami berkata (dalam hati) mudah-mudahan Baginda akan diam (berhenti)."*

Syirik dari segi bahasa didefinisikan sebagai adanya perbandingan dan lawan kepada tunggal iaitu menjadikan sesuatu sekutu dengan yang lain.<sup>17</sup> Menurut Ibn Manẓūr (w. 711H)<sup>18</sup>, syirik itu ialah menjadikan Allah sekutu baginya dalam kerajaan Allah.<sup>19</sup> Manakala al-Asfahānī pula mentakrifkan syirik sebagai menjadikan sesuatu kepada dua dan seterusnya.<sup>20</sup>

Syirik dari sudut istilah pula terdapat dua pengertian yang berbeza iaitu; pertama, *shirk akbar* yang merujuk kepada perbuatan menyekutukan Allah. Ia merupakan dosa yang paling besar; kedua, *shirk asghar* ialah melaksanakan sesuatu perbuatan bukan kerana Allah seperti *riyā'*, *nifaq* dan sebagainya.<sup>21</sup>

Ringkasnya, syirik ialah perkataan yang digunakan sebagai lawan kepada tauhid. Dalam erti kata lain, syirik ialah satu bentuk keyakinan yang mengakui adanya sekutu bagi Allah S.W.T. dalam kekuasaan-Nya. Ia termasuk mempercayai, menyembah, meminta dan mengharapkan sesuatu selain Allah S.W.T.. Apabila seseorang itu telah syirik, maka tergugatlah keimanannya dan sekali gus membawa kepada murtad dan kafir terhadap Allah S.W.T..<sup>22</sup>

## MURTAD

Murtad berasal daripada perkataan *riddah* daripada akar kata *radda* yang bermaksud kembali dan dinamakan sebagai murtad kerana dia kembali kepada kekufuran.<sup>23</sup> Menurut Ibn Manẓūr, murtad itu ialah kembali kepada kufur setelah menerima Islam.<sup>24</sup>

<sup>17</sup> Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris b. Zakariyyā (1991), *op. cit.*, j. 3, h. 265.

<sup>18</sup> Beliau ialah Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukram b. 'Alī b. Aḥmad Ibn Manẓūr; dilahirkan pada tahun 630H; seorang tokoh ulama dalam bahasa Arab, nahu, balaghah, sastera, tarikh dan banyak menghasilkan penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu; penyusun bagi kitab *Lisān al-'Arab*; meninggal pada tahun 711H.

<sup>19</sup> Ibn Manẓūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 10. Beirut: Dār Ṣādir, h. 449.

<sup>20</sup> Al-Asfahānī (t.t.), *op. cit.*, h. 266.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Al-Shāh Walī Allāh b. 'Abd al-Raḥīm al-Dahlawī (1964), *Ḥujjah Allāh al-Bālighah*. j. 1. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 124 – 126.

<sup>23</sup> Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris b. Zakariyyā (1991), *op. cit.*, j. 2, h. 386.

<sup>24</sup> Ibn Manẓūr (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 173.

Murtad dari sudut istilah pula ialah keluar daripada Islam kepada kekufuran<sup>25</sup> atau kufur selepas Islam yang diikrarkan dengan lafaz dua kalimah syahadah serta patuh kepada hukum daripada kedua-duanya.<sup>26</sup> Al-Qalyūbī pula menyatakan murtad sebagai memutuskan pegangan terhadap Islam dengan niat atau dengan perkataan atau dengan perbuatan sama ada berupa persendaan, penghinaan atau kepercayaan.<sup>27</sup>

Al-Qur'an dan al-Hadith telah menegaskan dengan jelas berkenaan dengan hukum murtad ke atas seseorang Muslim. Allah S.W.T berfirman:<sup>28</sup>

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي  
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: “Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).”

Ayat di atas menjelaskan bahawa seseorang Muslim yang telah murtad dan meninggal dunia di dalam keadaan tersebut, segala amalannya yang baik yang dilakukan sepanjang hayatnya akan menjadi sia-sia. Akibat daripada perbuatannya itu, dia akan dikekalkan di dalam api neraka di akhirat kelak.<sup>29</sup> Dalil daripada Hadith yang menyabitkan hukum murtad ialah sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās seperti berikut:<sup>30</sup>

<sup>25</sup> Wahbah al-Zuhaylī, Dr.(1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 6. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 183.

<sup>26</sup> ‘Abd al-Bāqī al-Zarqānī (1978), *Sharḥ al-Zarqānī*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 62.

<sup>27</sup> Al-Shaykh Shihāb al-Dīn al-Qalyūbī wa al-Shaykh `Umayrah (t.t.), *Qalyūbī wa `Umayrah*, j. 4 Mesir: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-`Arabiyyah, h. 174.

<sup>28</sup> Surah al-Baqarah 2:217.

<sup>29</sup> Abū Sa’id ‘Abd Allāh ibn ‘Umar b. Muḥammad al-Shīrāzī al-Bayḍāwī (1988), *Tafsīr al-Bayḍāwī al-Musammā Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*. j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 118.

<sup>30</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Kitāb Istitābah al-Murtaddīn wa al-Mu`ānidīn wa Qitālihīm, Bāb Ḥukm al-Murtadd wa al-Murtaddah wa Istitābatihīm, j. 12, no. Hadith: 6922, h. 267; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Ḥudūd ‘an Rasūlillah, Bāb Mā Jā’a fī al-Murtadd, j. 4, no. Hadith: 1458, h. 59 ; al- Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb Taḥrīm al-Damm, Bāb al-Ḥukm fī al-Murtadd, j . 7, no. Hadith: 4059, h. 104; Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al- Ḥudūd, Bāb al-

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ  
فَاقْتُلُوهُ

Maksudnya: “Ibn Abbas r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang telah menukarkan agamanya maka hendaklah kamu membunuhnya.”

Hadith ini pula menerangkan bahawa orang yang telah menukarkan agamanya dengan kembali kepada kekufuran akan dikenakan hukuman bunuh kerana perbuatannya itu.

Nas-nas di atas mengisyaratkan bahawa jenayah murtad merupakan satu jenayah yang amat terkutuk di sisi Islam. Oleh kerana itu, Islam menetapkan hukuman bunuh kepada sesiapa sahaja yang murtad atau keluar daripada agama Islam. Di dunia, dia akan dikenakan hukuman yang paling keras iaitu hukuman bunuh dan di akhirat pula, dia akan dihancurkan ke dalam api neraka buat selama-lamanya.

## KUFUR

Dari sudut bahasa, kufur ditakrifkan sebagai ingkar, berasal daripada perkataan *al-kafr* yang bererti dinding dan tutupan. Orang Arab menyebut “malam itu kafir” iaitu malam mendinding dan menyembunyikan sesuatu. Begitu juga ungkapan “peladang itu kafir” kerana peladang itu menutup benih dalam tanah.<sup>31</sup> Menurut Abū Fāris, kufur itu lawan kepada iman. Disebut kufur kerana perbuatan menyembunyikan dan menutup kebenaran.<sup>32</sup>

Manakala kufur dari sudut istilah pula bermaksud keluar dan menyeleweng daripada landasan iman. Ini bermakna iman dan kufur adalah dua perkara yang berlawanan. Iman ialah pegangan iktikad yang mutlak (bersungguh-sungguh dan yakin) bahawa Allah S.W.T. adalah Pemilik, Pencipta dan Tuhan sekalian alam dan hanya Dia yang berhak disembah,<sup>33</sup> manakala kufur pula ialah menolak kebenaran Islam selepas menganutinya.<sup>34</sup>

---

Ḥukm fī Man Irtaddā, j. 4, no. Hadith: 4351, h. 126; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al- Ḥudūd, Bāb al-Murtadd ‘an Dīnih, j. 2, no. Hadith: 2535, h. 848 ; Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Min Musnad Banī Hāshim, Bāb Bidāyah Musnad ‘Abd Allāh b. al-‘Abbās, j. 1, no. Hadith: 1775, h. 214.

<sup>31</sup> Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 147.

<sup>32</sup> Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris b. Zakariyyā (1991), *op. cit.*, j. 5, h. 191.

<sup>33</sup> Muḥammad Na‘īm Yāsīn, Dr.(t.t.), *al-Īmān: Arkānuh, Ḥaqīqatuh, Nawāqīduh*. al-Iskandariyyah: Dār ‘Umar b. al-Khaṭṭāb, h. 4.

<sup>34</sup> ‘Abd al-Raḥmān al-Khālīq (t.t.), *al-Ḥadd al-Fāṣil Bayn al-Īmān wa al-Kufr*.

Kufur sebenarnya terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut:

### 1. *Al-Kufr al-Aṣghar*

*Al-Kufr al-Aṣghar* ialah perbuatan yang tidak menyebabkan seseorang yang melakukannya terkeluar daripada Islam atau menjadi murtad, tetapi hanya dikira melanggar hukum syarak. Oleh sebab itu, dia diazab di dalam api neraka.<sup>35</sup> Sebagai contohnya, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:<sup>36</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ آتَى حَائِضًا أَوْ امْرَأَةً فِي دُبُرِهَا أَوْ كَاهِنًا فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “*Dari Abū Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang menyetubuhi perempuan yang sedang haid atau menyetubuhi perempuan melalui duburnya atau berjumpa dengan tukang nujum, kemudian mempercayainya, maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w..*”

### 2. *Al-Kufr al-Akbar*

*Al-Kufr al-Akbar* ialah perbuatan yang menyebabkan seseorang yang melakukannya murtad dan dimasukkan ke dalam neraka dan kekal di dalamnya. *Al-Kufr al-Akbar* terbahagi kepada lima bahagian:

- i. *Kufr Takdhīb* iaitu kufur atas sebab mendustakan hukum syarak.
- ii. *Kufr Istikbār wa Ibā'* iaitu kufur atas sebab kesombongan dan kebencian terhadap hukum Islam seperti kufur Iblis.
- iii. *Kufr I'rād* iaitu kufur kerana enggan menerima kebenaran Islam dan lari daripadanya.

---

Kuwait: Dār al-Qalam, h. 70.

<sup>35</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Madārij al-Sālikīn*. j. 1. Kaherah: Dār al-Rashād al-Ḥadīthah. h. 335 – 336.

<sup>36</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Ṭahārah ‘an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā’a fī Karāhiyyah Ityān al-Ḥā’iq, j. 1, no. Hadith: 135, h. 242; Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb fī al-Kāhin, j. 4, no. Hadith: 3904, h. 15; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṭahārah wa Sunanuhā, Bāb al-Naḥy ‘an Ityān al-Ḥā’iq, j.1, no. Hadith: 639, h. 209; Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Bāqī Musnad al-Mukthirīn, Bāb Bāqī Musnad al-Sābiq, j. 2, no. Hadith: 8922, h. 228; al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb Man Atā Imra’atah fī Duburihā, j. 1, no. Hadith: 1116, h. 259.

- iv. *Kufr Shakk* iaitu kufur kerana syak tentang kebenaran Islam dan kurang yakin terhadapnya.
- v. *Kufr Nifāq* iaitu menyembunyikan kekufuran tetapi memperlihatkan tingkah laku seperti seorang yang beriman.

Kesemua jenis kufur tersebut akan menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam atau menjadi murtad.<sup>37</sup>

## HUKUMAN KE ATAS ORANG MURTAD

Murtad merupakan satu perbuatan yang amat kejam dan zalim di sisi Allah S.W.T. setelah seseorang itu beriman kepada Allah S.W.T. dan beramal dengan petunjukNya. Akibatnya, seseorang yang murtad dikenakan azab yang amat pedih di dunia dan juga di akhirat.<sup>38</sup>

Islam telah menetapkan hukuman bunuh ke atas mereka yang murtad. Para ulama' bersepakat<sup>39</sup> bahawa hukuman tersebut sabit ke atas orang murtad berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:<sup>40</sup>

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ  
فَأَقْتُلُوهُ

Maksudnya: “*Ibn ‘Abbās r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang telah menukarkan agamanya maka hendaklah kamu bunuhnyanya.*”

<sup>37</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *op. cit.* j. 1. h. 337 – 339; lihat Salīm al-Bahansawī (1985), *al-Ḥukm wa Qaḍīyah Takfīr al-Muslim*. Kuwait: Dār al-Buḥūth al-Islāmiyyah, h. 125 – 126.

<sup>38</sup> Muḥammad Bakr Ismā‘īl, Dr.(1990), *al-Fiqh al-Waḍiḥ min al-Kitāb wa al-Sunnah ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, j. 2. Kaherah: Dār al-Manār, h. 274 .

<sup>39</sup> Muḥammad b. Ibrāhīm b. al-Mundhir (1986), *al-Ijmā‘*, ‘Abd Allāh ‘Umar al-Bārūdī (taḥqīq.). t.t.p.: Dār al Jinān, h. 144.

<sup>40</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Kitāb Istitābah al-Murtaddīn wa al-Mu‘ānidīn wa Qitālihim, Bāb Ḥukm al-Murtadd wa al-Murtaddah wa Istitābatihim, j. 12, no. Hadith: 6922, h. 267; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al- Ḥudūd ‘an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā’a fī al-Murtadd, j. 4, no. Hadith: 1458, h. 59; al- Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb Taḥrīm al-Damm, Bāb al-Ḥukm fī al-Murtadd, j. 7, no. Hadith: 3991, h. 104; Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb al-Ḥukm fī Man Irtadda, j. 4, no. Hadith: 4351, h. 126; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb al-Murtadd ‘an Dīnih, j. 2, no. Hadith: 2535, h. 848; Aḥmad b. Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Min Musnad Banī Hāshim, Bāb Bidāyah Musnad ‘Abd Allāh b. al-‘Abbās, j.1, no. Hadith: 1775, h. 214.

Apabila seseorang itu telah disabitkan murtad, hukuman hudud tidak akan dijalankan serta merta, sebaliknya hendaklah dipastikan terlebih dahulu keadaan dan sebab berlakunya murtad di samping memerlukan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang adil berhubung dengannya. Jika ia berpunca daripada kekeliruan atau keraguannya terhadap Islam, maka pihak pemerintah hendaklah menghantar alim ulama' untuk menerang dan menghilangkan keraguannya itu, iaitu dengan mengadakan perbincangan dan memberi penerangan yang sesuai serta meyakinkannya berhubung dengan kesucian agama Islam. Tetapi sekiranya murtad itu berlaku kerana sesuatu tujuan atau matlamat keduniaan atau kerana memberontak, maka hukuman hudud boleh dijatuhkan ke atasnya setelah diberikan tempoh yang cukup untuk dia menilai dirinya.<sup>41</sup>

## SOROTAN KAJIAN AJARAN SESAT DALAM PENGAJIAN ISLAM

Ilmu kajian ajaran sesat pada asalnya merupakan sebahagian daripada disiplin ilmu akidah atau ilmu *al-Tawhīd* ataupun ilmu Usuluddin. Secara umumnya, disiplin ilmu Usuluddin mempunyai dua matlamat pokok iaitu memperkukuhkan asas, dasar dan pokok-pokok keagamaan sama ada soal ketuhanan, kerasulan dan memperbetulkan kepercayaan terhadap perkara-perkara ghaib. Malah meningkatkan *al-Tawhīd* dan menjadikannya sebagai *world view* dalam mentafsirkan Tuhan, alam manusia dan kehidupan.

Ilmu akidah sejak dari awal lagi telah berjaya mempertahankan akidah umat Islam daripada gugatan dalaman golongan ajaran sesat dan gugatan pengaruh asing *mushrikīn* dan *mulhīdīn*.<sup>42</sup> Kejayaan disiplin ini telah menyelamatkan akidah umat Islam dari ancaman falsafah Greek, pengaruh Hindu-Buddha dan Animisme<sup>43</sup> di dalam konteks negara Malaysia tercinta dan pada masa kini berhadapan pula dengan falsafah materialisme moden.

Ulama' silam telah meletakkan ilmu Usuluddin sebagai asas dan teras kepada disiplin-disiplin ilmu Islam yang lain. Bermula dengan pengumpulan

---

<sup>41</sup> Muḥammad Bakr Ismā'īl, Dr. (1990), *op. cit.*, h. 276.

<sup>42</sup> *Mulhīdīn* berasal dari akar kata *lahada* yang bererti berpaling daripada kebenaran. Manakala pada istilah, *mulhid* itu ialah orang yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Lihat Ibn Manẓūr ( t.t.), *op. cit.*, j. 3. h. 388 – 389; *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 252 .

<sup>43</sup> Animisme ialah kepercayaan bahawa setiap benda seperti kayu, batu dan sebagainya mempunyai semangat atau roh yang boleh mendatangkan manfaat ataupun mudarat. Lihat *Kamus Dewan* (2002), *op. cit.*, h. 51.

al-Qur'an, pembukuan al-Hadith, kemunculan kitab *al-Fiqh al-Akbar* oleh Abū Ḥanīfah, kitab *al-Muwattā'* oleh Mālik, dan lain-lain turut diikuti oleh karya-karya besar dalam tasawuf dan sirah.

Tanpa menafikan kemunculan dan peranan ilmu-ilmu Islam yang lain seperti disiplin Tafsir, Hadith dan Tasawuf, ilmu Usuluddin lebih dominan dalam mendidik generasi Islam terawal dalam tempoh tiga belas tahun kebangkitan baginda Rasulullah s.a.w. di Mekah. Oleh sebab itulah, generasi Rasulullah s.a.w. dan generasi sahabat selepasnya muncul sebagai umat terbaik dalam segala lapangan hidup.

Kemudian, disiplin ilmu Usuluddin semakin berkembang seiring dengan perkembangan Islam yang bertapak hampir ke seluruh pelusuk alam dan juga pertambahan warga manusia yang menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka. Lebih-lebih lagi perkembangan ilmu bertambah rancak dengan ancaman yang datang dari gerakan ajaran sesat yang cuba memesongkan akidah umat Islam daripada landasan Islam yang lurus. Justeru untuk menyelamatkan akidah umat Islam, maka ilmu kajian ajaran sesat diwujudkan sebagai satu disiplin ilmu tersendiri yang memberikan kerangka yang kukuh sebagai perisai untuk mendepani isu ajaran sesat.

Jika diteliti secara halus melalui sirah Rasulullah s.a.w., Baginda s.a.w. pernah mendedahkan golongan yang sesat daripada kaum Yahudi dan kaum Nasrani. Tidak ketinggalan juga terdapat golongan daripada umat Islam sendiri yang sesat sehingga 72 golongan akan masuk neraka dan satu lagi golongan akan masuk syurga. Dalam satu ketika lain, Baginda s.a.w. juga mendedahkan terdapat dua golongan sesat yang terkeluar daripada ajaran Islam yang sebenar pada zamannya iaitu golongan Qadariyyah dan Murji'ah.<sup>44</sup>

Selain daripada itu, Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan mengenai ciri-ciri atau punca-punca kesesatan umat manusia terdahulu sebagai satu pendidikan ilmu akidah secara langsung kepada para sahabat secara khusus dan juga umat Islam secara umum agar mereka menjauhi kesesatan tersebut di samping memantapkan lagi keimanan mereka terhadap Allah S.W.T..

Ini menunjukkan bahawa ilmu kajian ajaran sesat pada peringkat permulaan sama juga seperti ilmu-ilmu Islam yang lain seperti fiqh, akidah dan sebagainya belum lagi mempunyai identiti masing-masing sebagai ilmu yang tersendiri, namun ia sudah difahami dengan mudah oleh kalangan para sahabat apabila menerima sebarang tunjuk ajar dan pedomam ilmu daripada

<sup>44</sup> Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Qadr 'an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Qadariyyah, j. 4, no. Hadith: 2149, h. 454; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Muqaddimah, Bāb fī al-Īmān, j. 1, no. Hadith: 62, h. 24.

baginda Rasulullah s.a.w.. Dari situ, para sahabat akan menghayatinya dengan sebaik-baiknya dan seterusnya mengamalkannya dalam konteks kehidupan seharian mereka.

Seterusnya ilmu kajian ajaran sesat semakin bertapak kukuh dalam disiplin ilmu pengajian Islam apabila terdapat penulisan mengenainya telah dirintis oleh beberapa orang ulama' tersohor Islam. Antara tokoh ulama' tersebut ialah:

- i. Abū al-Ḥasan 'Alī b. Ismā'īl al-Ash'arī (w. 324H)<sup>45</sup> yang telah mengarang kitab *al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, *al-Ibānah 'An Uṣūl al-Diyānah* dan kitab *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*.
- ii. Abū al-Ḥusayn al-Malaṭī (w. 377H)<sup>46</sup> yang menulis kitab *al-Tanbīh wa al-Radd 'Alā Ahl al-Ahwā' wa al-Bida'*.
- iii. Muḥammad b. al-Ṭayyib b. Muḥammad b. Ja'far al-Baṣarī Abū Bakr al-Bāqillānī (w. 403H)<sup>47</sup> yang mengarang kitab *Kashf Asrār al-Bāḥiyyah*, *al-Tamhīd fī al-Radd 'alā al-Mulḥidah al-Mu'aṭṭilah wa al-Rafīḍah wa al-Khawārij wa al-Mu'tazilah* dan *al-Inṣāf fī mā Yajib I'tiqāduh wa lā Yajūz al-Jahl bih*.
- iv. 'Abd al-Qāhir b. Ṭāhir b. Muḥammad al-Baghdādī (w. 429H)<sup>48</sup> yang telah mengarang buku yang berjudul *Faḍā'ih al-Qadariyyah*, *Faḍā'ih al-Mu'tazilah*, *al-Farq Bayn al-Firaq* dan *al-Milal wa al-Niḥal*.
- v. 'Alī b. Aḥmad b. Sa'īd b. Ḥazm Abū Muḥammad al-Andalusī (w. 456H) yang telah menulis sebuah buku yang bertajuk *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*.

---

<sup>45</sup> Beliau ialah Abū Ḥasan 'Alī b. Ismā'īl b. Iṣḥāq b. Sālim al-'Ash'arī; berketurunan Abū Mūsā al-Ash'arī r.a.; dilahirkan pada tahun 260 H di Basrah; seorang tokoh terkenal di dalam ilmu kalam; kepadanya dinisbahkan aliran Ash'arah; meninggal pada tahun 324H.

<sup>46</sup> Beliau ialah Muḥammad b. Aḥmad b. 'Abd al-Raḥmān Abū al-Ḥusayn al-Malaṭī; bermazhab fiqh Shāfi'ī dan merupakan seorang tokoh ilmu kalam; meninggal pada tahun 377H.

<sup>47</sup> Beliau ialah Muḥammad al-Ṭayyib b. Muḥammad b. Ja'far al-Baṣarī Abū Bakr al-Bāqillānī; dilahirkan di Basrah pada tahun 338H; seorang tokoh ulama' fiqh bermazhab Maliki dan terkenal dalam bidang usul fiqh, ilmu kalam, hadith dan pendukung aliran Ash'arī; meninggal di Baghdad pada tahun 403H.

<sup>48</sup> Beliau ialah Abū Manṣūr 'Abd al-Qāhir b. Ṭāhir b. Muḥammad al-Tamīmī al-Baghdādī; seorang ulama' terkenal dalam berbagai disiplin ilmu; hasil karyanya ialah *Farq Bayn al-Firaq*, *al-Faṣl fī Uṣūl al-Fiqh*, *Kitāb al-Tafsīr* dan sebagainya; meninggal pada tahun 429H.

- vi. Abū al-Muẓaffar Shahfūr b. Ṭāhir b. Muḥammad al-Isfarāyīnī (w. 471H)<sup>49</sup> yang mengarang kitab *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah ‘An Firqah al-Hālikīn*.
- vii. Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad b. Aḥmad Abū Ḥāmid al-Ghazālī Zayn al-Dīn al-Ṭūsī (w. 505H)<sup>50</sup> yang mengarang kitab *al-Munqidh min al-Ḍalāl, Fayṣal al-Tafriqah Bayn al-Islām wa al-Zandaqah* dan *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah*.
- viii. Abū al-Faṭḥ Muḥammad b. ‘Abd al-Karīm b. Aḥmad al-Shahrastānī (w. 548H)<sup>51</sup> yang mengarang buku *al-Milal wa al-Niḥal*.
- ix. Fakhr al-Dīn Muḥammad b. ‘Umar al-Rāzī (w. 606H)<sup>52</sup> telah mengarang kitab *I’tiqādāt Firqah al-Muslimīn wa al-Mushrikīn* dan *al-Bayān wa al-Burhān fī al-Radd ‘Alā Ahl al-Zaygh wa al-Ṭughyān*.
- x. Al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (w. 816H)<sup>53</sup> yang mengarang kitab *Sharḥ al-Mawāqif li al-‘Ījī*.
- xi. Aḥmad b. Yaḥyā b. Murtaḍā b. Mufaḍḍal b. Mansūr al-Ḥasanī (w. 840H)<sup>54</sup> yang mengarang kitab *al-Munyah wa al-Amal fī Sharḥ al-Milal wa al-Niḥal*.

---

<sup>49</sup> Beliau ialah Abū al-Muẓaffar Shahfūr b. Ṭāhir b. Muḥammad al-Isfarāyīnī al-Shāfi‘ī; seorang ulama’ pendukung aliran al-Ash‘ari di peringkat keempat; pakar dalam ilmu Usuluddin; meninggal pada tahun 471H.

<sup>50</sup> Beliau ialah Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī al-Ṭūsī; dilahirkan di Ṭūs pada tahun 450H; seorang ulama’ terkenal di dalam pelbagai disiplin ilmu; beliau terkenal sebagai seorang sufi di akhir hayatnya; meninggal di Ṭūs pada tahun 505H.

<sup>51</sup> Beliau ialah Abū al-Faṭḥ Muḥammad b. ‘Abd al-Karīm b. Aḥmad al-Shahrastānī; dilahirkan pada tahun 489H di Shahrastān; mahir di dalam ilmu fiqh dan akidah; bermazhab fiqh Shāfi‘ī dan salah seorang pendukung aliran al-Ash‘ari; meninggal pada tahun 548H.

<sup>52</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. ‘Umar b. al-Ḥusayn ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī al-Tamīmī al-Rāzī; dilahirkan pada tahun 544H; seorang tokoh ulama’ dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu kalam, fiqh, tafsir, nahu, sastera dan sebagainya; banyak menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai bidang ilmu; meninggal di al-Ray pada tahun 606H.

<sup>53</sup> Beliau ialah ‘Alī b. Muḥammad b. ‘Alī Abū al-Ḥasan al-Jurjānī; dilahirkan di Taku pada tahun 740H; seorang tokoh ulama’ fiqh bermazhab Hanafi dan terkenal dalam bidang usul fiqh, tafsir, nahu, mantik dan fara’id; meninggal pada tahun 816H.

<sup>54</sup> Beliau ialah Aḥmad b. Yaḥyā b. al-Murtaḍā b. Mufaḍḍal b. Mansūr al-Ḥasanī; dilahirkan pada tahun 775H; seorang tokoh ulama’ dalam bidang fiqh, usul fiqh, nahu dan fara’id; banyak menghasilkan kitab dalam berbagai bidang ilmu; meninggal pada tahun 840H di Ṣan‘ā’.

- xii. Taqī al-Dīn al-Maqrīzī (w. 845H)<sup>55</sup> yang mengarang *Kitāb al-Mawā'iz wa al-I'tibār bi Dhikr al-Khutāt wa al-'Āthār*.

Kesemua kitab tersebut kini menjadi sumber rujukan utama dalam kajian ajaran sesat dan mazhab-mazhab akidah yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Tokoh-tokoh ulama tersebut juga telah meletakkan dasar-dasar ilmu kajian perbandingan antara *firqah* dan mazhab akidah dari sudut pegangan akidah, pemahaman sesuatu isu akidah dan perkara perbahasan lain-lain yang menjadi garis pemisah antara *firqah* tersebut dengan kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Akhirnya, ilmu kajian ajaran sesat telah menjadi teras yang mengikut segala perkembangan terbaru supaya ia mampu menawarkan penyelesaian kepada fenomena semasa.

Dewasa ini, penulisan dalam bidang ini semakin bertambah rancak apabila terdapat semakin banyak penyelidikan, buku dan kitab yang telah dihasilkan oleh cendekiawan Barat dan ulama-ulama Islam masa kini berkenaan ajaran sesat dan golongan yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Antara buku yang telah dihasilkan oleh cendekiawan Barat yang berkaitan dengan ajaran sesat dan ialah:

- i. *New Religious Movements: A Perspective for Understanding Society* oleh Eileen Barker.
- ii. *Religion and the Social Order: The Handbook of Cults and Sects in America* oleh David G. Bromley dan Jeffrey K. Hadden.
- iii. *Religious and Spiritual Groups in Modern America* oleh Robert S. Ellwood.
- iv. *The New Religions* oleh Jacob Needleman.
- v. *Understanding New Religions* oleh Jacob Needleman dan George Baker.
- vi. *Cults, Converts and Charisma* oleh Thomas Robbins.
- vii. *The Social Impact of New Religious Movements* oleh Bryan R. Wilson.
- viii. *The New Religions of Japan* oleh Harry Thomsen.
- ix. *The New Religions of Japan: A Bibliography of Western Language Materials* oleh H. Byron Earhart.

---

<sup>55</sup> Beliau ialah Aḥmad b. 'Alī b. 'Abd al-Qādir b. Muḥammad b. Ibrāhīm b. Muḥammad b. Tamīm b. 'Abd al-Ṣamad al-Ḥusaynī; dilahirkan di Kaherah pada tahun 769H; seorang tokoh ulama' dalam bidang sejarah, sirah, hadith dan fiqh; bermazhab fiqh Hanafi; banyak menghasilkan karya penulisan lebih daripada 200 judul; meninggal pada tahun 845H.

- x. *Falsafah al-Fikr al-Dīnī Bayn al-Masīhiyyah wa al-Islām* oleh Louise Gardet dan George Anawati.

Manakala kitab-kitab berkaitan ajaran sesat yang dihasilkan oleh para ulama' di dunia Islam ialah:

- i. *Dirāsāt fī al-Firaq* oleh Dr. Šābir Ṭā'imah.
- ii. *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal* oleh Ja'far al-Subḥānī.
- iii. *Tārīkh al-Firaq al-Islāmiyyah* oleh 'Alī Muṣṭafā al-Ghurābī.
- iv. *Madhāhib al-Islāmiyyīn* oleh Dr 'Abd al-Raḥmān al-Badawī.
- v. *Firaq Mu'āṣirah Tantasib Ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām Minhā* oleh Ghālib b. 'Alī b. 'Uwajī.
- vi. *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* oleh Muḥammad Abū Zahrah.
- vii. *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-'Aqā'id al-Islāmiyyah* oleh Dr 'Irfān 'Abd al-Ḥamīd Fattāh.
- viii. *Al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu'āṣirah* yang diterbitkan oleh al-Nadwah al-'Ālamīyyah Li al-Shabāb al-Islāmī di Riyadh.
- ix. *Dirāsāt fī al-Ahwā' wa al-Iftirāq wa al-Bida'* oleh Dr Nāṣir b. 'Abd al-Karīm al-'Aql.
- x. *Qāmūs al-Madhāhib wa al-Adyān* oleh Ḥusayn 'Alī Ḥamd.
- xi. *Al-Bahā'iyyah wa al-Qadyāniyyah* oleh Muḥammad Ḥasan al-A'zāmī.
- xii. *Al-Ittijāhāt al-Munḥarifah fī Tafsīr al-Qur'an al-Karīm* oleh Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī.

Di Malaysia pula, buku-buku berkaitan ajaran sesat tidak begitu banyak dihasilkan oleh para ulama' dan para cendekiawan di Malaysia. Walaupun begitu, sudah banyak penyelidikan, kertas kerja, artikel ilmiah dan risalah kecil berkaitan ajaran sesat dihasilkan oleh para ulama, para penyelidik tempatan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi menangani isu ajaran sesat yang melanda bumi Malaysia tercinta. Antara hasil-hasil penulisan tersebut ialah:

- i. *Ajaran sesat, Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah, Qadiani Bukan Ajaran Islam, Martabat Tujuh dan Beberapa Masalah Utama Dalam Tasawuf* yang telah disusun oleh Prof. Dr Abdul Fatah Haron Ibrahim.
- ii. *Ajaran Sesat di Malaysia* oleh Prof. Madya Dr Wan Mohd. Azam Wan Mohd. Amin.

- iii. *Ajaran Sesat* oleh Siti Norbaya Abdul Kadir.
- iv. *Pencemaran Akidah di Nusantara* oleh Dr. H. O. K. Rahmat S. H..
- v. *Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia* oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- vi. *Kriteria Dalam Ajaran Sesat* oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- vii. *Penyelewengan Arqam dari Ajaran Islam* oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- viii. *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf Al-Asrar* oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- ix. *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah* oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- x. *Maklumat Terkini Ajaran Sesat : Punca dan Cara Mengatasinya* iaitu kertas kerja yang dibentangkan oleh Mustafa b. Abdul Rahman dalam Ijtimak Guru-guru Takmir Masjid/Surau Peringkat Kebangsaan Anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan pengurusan Masjid (KESUMA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 8 – 9 Mei 2001.
- xi. *Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia* iaitu kertas kerja yang dibentangkan oleh Tuan Haji Abd. Rahman Haji Yunus dalam Seminar Akidah dan Kerohanian II Peringkat Kebangsaan Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Kerjasama Yayasan Nadwah Akademi Islam (NADI) di Bilik Jumaah, Bangunan Pentadbiran, UKM, Bangi pada 8 September 1990.
- xii. *Masalah dan Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia* yang merupakan bahagian kedua dalam kertas kerja bertajuk *Wahdat al-Wujud dan Hubungannya dengan Masalah Ajaran Sesat di Malaysia* iaitu kertas kerja yang dibentangkan oleh Prof. Zakaria Stapa dalam Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf ANJURAN Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus di Hotel Hilton, Seremban, Negeri Sembilan pada 17 – 19 Ogos 2002.

Melihatkan kepada kepentingan ilmu kajian ajaran sesat dalam konteks pengajian Islam, kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, sama ada di bawah seliaan Fakulti atau Jabatan atau Sekolah Pengajian Islam ada menawarkan kursus kajian ajaran sesat kepada para pelajar sebagai satu usaha

untuk memantapkan pengetahuan para pelajar terhadap isu gerakan ajaran sesat yang menyeleweng daripada Islam.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai contohnya, Fakulti Pengajian Islam telah meletakkan ilmu kajian ajaran sesat di bawah modul Akidah dan Kerohanian Islam sebagai satu kursus wajib kepada para pelajar jurusan tersebut.<sup>56</sup>

Begitu juga Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya juga menawarkan kursus kajian ajaran salah di bawah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Matlamat utama penawaran kursus tersebut adalah pemantapan asas yang kukuh dan jitu di kalangan para pelajar terhadap isu ajaran salah di samping memberikan jawapan-jawapan semasa mendepani kemelut ummah yang semakin meruncing.<sup>57</sup>

Di samping itu, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus KUSZA menawarkan kursus kajian ajaran sesat sebagai kursus wajib program kepada para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) supaya mereka didedahkan secara mendalam berkenaan isu ajaran sesat di dalam konteks Malaysia di samping dapat menganalisis fakta-fakta berkaitan bagi menyelesaikan isu tersebut.<sup>58</sup>

Dari sini, dapat disimpulkan bahawa ilmu kajian ajaran sesat merupakan satu disiplin ilmu Usuluddin yang amat penting kepada masyarakat Islam umumnya dan kepada para pelajar khususnya dalam menawarkan penyelesaian yang ampuh terhadap sebarang konflik, kontroversi, perbezaan pendapat dan sebagainya. Malah ilmu kajian ajaran sesat bertindak sebagai satu disiplin ilmu Islam yang mempunyai kerangka yang kukuh sebagai teras untuk dirujuk dan diaplikasikan dalam konteks kehidupan semasa.

---

<sup>56</sup> Mudasir Rosder, dan Ahmad Sunawari Long (2000), “Kursus-kursus Jabatan Usuluddin dan Falsafah Dalam Penstrukturan Semula Kursus Fakulti Pengajian Islam”. Kertas Kerja Wacana Pemikiran Islam VIII Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM di UKM Bangi, 6 September 2000, h. 8.

<sup>57</sup> Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid, Prof. Madya (2000), “Pengajian Usuluddin dalam Menyahut Cabaran Abad ke 21 M ”, Kertas Kerja Wacana Pemikiran Islam VIII Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah , Fakulti Pengajian Islam , UKM di UKM, Bangi, 6 September 2000, h. 15.

<sup>58</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2000), “Program Pengajian Usuluddin di KUSZA”. Kertas Kerja Wacana Pemikiran Islam VIII Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM di UKM, Bangi, 6 September 2000, h. 11.

Menyentuh berkenaan kepentingan ilmu kajian ajaran sesat dalam konteks kehidupan semasa, ilmu tersebut pada hakikatnya telah menyumbang banyak faedah dan kebaikan kepada umat Islam dalam mempertahankan kesucian akidah Islam daripada sebarang pencemaran asing yang tidak bersumberkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Walaupun ilmu kajian ajaran sesat ini membicarakan mazhab atau *firqah* di zaman silam, namun ia tetap memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam selepasnya dalam mengkaji pemikiran, kefahaman dan pegangan yang didukung oleh sesuatu mazhab dan *firqah* tersebut. Ini adalah kerana pemikiran, kefahaman dan pegangan tersebut akan terus berlangsung dari satu generasi ke satu generasi yang lain bersama peredaran zaman.

Antara kepentingan yang dapat disimpulkan setelah mendalami ilmu ajaran sesat adalah seperti berikut:

- i. menyedarkan umat Islam supaya memelihara kesucian akidah Islam.
- ii. mendedahkan setiap perancangan dan gerakan musuh Islam yang cuba mencemari kesucian Islam dan juga menggugat keutuhan umat Islam dalam segala lapangan hidup.
- iii. ilmu kajian ajaran sesat bertindak sebagai neraca piawaian yang jitu dalam membezakan pegangan dan kepercayaan yang berasaskan akidah Islam dengan pegangan dan kepercayaan yang menyeleweng daripada landasan yang lurus.
- iv. ilmu ini juga berfungsi untuk merapatkan jurang perbezaan yang terdapat antara *firqah* yang berpecah daripada kalangan umat Islam agar bernaung di bawah satu *al-Firqah al-Nājiyah*.
- v. mencari langkah-langkah penyelesaian dalam menangani dan membanteras isu ajaran sesat yang merebak dalam masyarakat Islam.

## **KESIMPULAN**

Sebagai rumusan akhirnya dapat disimpulkan bahawa disiplin kajian ajaran sesat merupakan satu disiplin yang amat penting dipelajari oleh umat Islam mutakhir ini untuk mendepani penyebaran ajaran sesat yang semakin meluas dewasa ini. Disiplin ajaran sesat pada asasnya bertindak sebagai benteng kukuh dan garis pemisah di antara kebenaran dan kesesatan yang mewarnai pentas hidup umat Islam. Justeru, disiplin ajaran sesat wajar dijadikan kursus teras yang wajib diambil oleh pelajar pelbagai jurusan di universiti, terutama jurusan pengajian Islam.